

21/09/1998

Bekas wakil rakyat sokong PM

MELAKA, Ahad - Majlis Bekas Wakil Rakyat Negeri Melaka berdiri teguh menyokong Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad mengambil tindakan memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan kerajaan serta parti.

Pengerusinya, Datuk Abdul Razak Alias, berkata, majlis itu memahami isu pemecatan bukanlah suatu perkara kecil dan sudah tentu Perdana Menteri mendapati salah laku Anwar adalah serius yang boleh menjejaskan kerajaan dan parti sehingga terpaksa dipecat.

"Anwar sepatutnya menerima pemecatan ini dengan tenang kerana beliau sendiri telah menolak peluang mengundurkan diri secara terhormat," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Abdul Razak berkata, mesyuarat jawatankuasa majlis itu pada Khamis lalu, juga menyatakan sokongan dan kepercayaan penuh kepada Dr Mahathir terhadap langkah kawalan dan pemulihan ekonomi.

"Majlis ini menaruh keyakinan masalah kegawatan ekonomi akan dapat ditangani segera berdasarkan kebijaksanaan, pengalaman dan ketegasan Perdana Menteri," katanya.

(END)